Doa Selamat bagi anggota PPDB sertai IMT Ke-16

PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali (tengah) ketika hadir pada Majlis Doa Selamat bagi Pegawai Menguasa Pasukan Simpanan D Kompeni, Jabatan Gerakan, ASP Haji Muhd. Shaker bin Haji Nayan dan Doa Kesyukuran bagi kepulangan jemaah haji Pasukan Polis Diraja Brunei (atas). Sementara gambar kanan Pesuruhjaya Polis merinjis haruman kepada para jemaah haji pasukan polis yang diraikan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan menghantar seorang pegawainya bagi menyertai dalam kumpulan misi Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Ke- 16, di Mindanao, Republik Filipina.

Sehubungan itu, berlangsung Majlis Doa Selamat bagi Pegawai Menguasa Pasukan Simpanan D Kompeni, Jabatan Gerakan, ASP Haji Muhd. Shaker bin Haji Nayan diadakan di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Juga hadir Pegawai-pegawai Kanan dan para anggota PPBD.

Adapun majlis diadakan bertujuan bagi memohon perlindungan dan keselamatan pegawai berkenaan di sepanjang menjalankan tugasan.

Majlis juga diselajurkan dengan bacaan doa kesyukuran bagi meraikan kepulangan para anggota PPDB yang menunaikan fardu haji.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan surah-surah pilihan, diikuti Doa Selamat dan Sembahyang Asar Berjemaah.

Penyelidikan, penerbitan aset penting negara

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ogos. - Bagi memastikan kelangsungan pembangunan kapasiti tenaga akademik tempatan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) memperkenalkan 'Skim Khubara', iaitu skim pakar yang bertujuan untuk memupuk dan menarik minat anak-anak tempatan yang berpotensi tinggi untuk menjadi tenaga akademik UNISSA, sekali gus diasuh untuk menjadi pakar dalam bidang yang diperlukan negara.

Mereka yang layak akan diberikan peluang dan insentif yang menarik untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, di mana setelah tamat pengajian nanti akan mereka diikat jamin untuk berkhidmat dengan UNISSA.

Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal berucap demikian dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Menyentuh aspek penyelidikan dan penerbitan beliau menjelaskan, UNISSA menyedari bahawa kecemerlangan penyelidikan dan penerbitan tidak hanya bermatlamatkan untuk meningkatkan martabat sistem pendidikan sesebuah universiti, malah menjadi aset yang penting bagi negara.

Bagi tujuan ini, beliau sukacita menyembahkan bahawa melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA berjaya menerbitkan Ensiklopedia Mazhab Shafi'i yang mengandungi empat jilid pada bulan April 2019 yang lalu, di mana penerbitan ensiklopedia itu merupakan sumbangan signifikan UNISSA untuk membangun intelektual masyarakat dalam memahami dan mendalami Mazhab Shafi'i sebagai mazhab rasmi negara.

"Dalam aspek jaringan global, sukacita Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan bahawa jalinan kerjasama mantap dengan IPT luar negara telah menghasilkan aktiviti ilmiah berimpak tinggi. Antaranya, persidangan mengenai halal yang dianjurkan secara kolaborasi di antara Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban UNISSA bersama UiTM Malaysia dan Universiti Osaka, Jepun. Persidangan yang diadakan di Universiti Osaka, Jepun ini berjaya menarik seramai 182 sarjana Islam untuk mengongsikan kajian dan penyelidikan masing-masing. Pada bulan Julai lalu pula, satu muzakarah cendekiawan Syari'ah Nusantara diadakan di Negara Brunei Darussalam anjuran bersama Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) Malaysia. Muzakarah ini telah berjaya menghimpun seramai 320 para ulama dan sarjana kewangan Islam antarabangsa dan melahirkan resolusi yang akan menjadi rujukan dalam aspek pengurusan kewangan Islam," tambahnya lagi.

Dalam usaha memeriahkan sambutan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam katanya, UNISSA juga memainkan peranannya melalui penganjuran Pameran Keagungan Tanah Suci dengan kerjasama ISESCO dan Jam'iyyah Marakiz al-Ahya Makkah al-Mukarramah, yang berlangsung pada April lalu.

Selain penganjuran pameran dan pertemuan para tokoh antarabangsa jelasnya, UNISSA juga mendapat pengiktirafan peringkat global dengan pelantikan UNISSA sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Eksekutif Liga Institusi Pengajaran Bahasa Arab bagi Bukan Penuturnya yang bernaung di bawah ISESCO dan berpusat di Maghribi.

Pengiktirafan besar bagi sebuah universiti berskala kecil ini ujarnya, tidak dinafikan menjadi faktor penyumbang kepada peningkatan berterusan kemasukan pelajar antarabangsa merentasi benua.

Menurutnya, pada tahun ini, UNISSA buat julung kalinya menerima sejumlah pelajar dari Dagestan, Rusia untuk mengikuti program jangka pendek di UNISSA, yang mana usaha tersebut seiring dengan titah

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal berucap pada Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hafl al-Takharruj sebelum ini untuk melihat lebih ramai pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka di UNISSA sebagai salah satu sumbangan negara kepada pembangunan ummah sejagat.

Para guru pasti tidak akan menyesal jika guna cara ini tarik minat murid lemah belajar!

- Tahu gaya pembelajaran mereka. Ini merupakan faktor yang paling penting dalam memastikan murid-murid dapat menerima apa yang hendak diajar kepada mereka. Guru perlu mengenali gaya belajar setiap murid di dalam kelasnya dan menyesuaikan dengan kaedah yang hendak digunakannya.
- Menggunakan pelbagai kaedah yang berbeza. Murid yang lemah biasanya mempunyai daya tumpuan yang kurang. Ini menyebabkan mereka cepat bosan dengan apa yang dipelajari. Mereka sewajarnya diajar dengan menggunakan pelbagai medium yang berbeza.
- Menerangkan tentang kegunaan ilmu yang mereka pelajari. Kadang-kadang murid merasa tidak minat atau bosan dengan apa yang mereka pelajari adalah kerana mereka tidak mengetahui kegunaan ilmu yang mereka pelajari.
- Melibatkan pengalaman yang sebenar. Murid-murid yang didedahkan dengan pengalaman yang sebenar akan lebih faham berbanding dengan murid-murid yang hanya belajar secara teori semata-semata. Cara ini lebih berkesan terutamanya untuk generasi sekarang yang hanya mengetahui sesuatu hanya di hujung jari.
- Mengulangi berkali-kali apa yang diajar. Maksud mengulangi di sini adalah mengulangi isi pelajaran dengan kaedah yang berbeza. Guru perlu sentiasa mengulangi apa yang sedang diajar berulang kali dengan cara yang berbeza.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN